

Jerut wanita sampai mati

Harian metro (6/7/2022) Page 11

Bera: Kejam. Itu yang dapat dikatakan berkaitan penjenayah yang menjerut leher seorang wanita berusia 52 tahun dengan wayar pengecas telefon hingga mati pada kejadian samun di sebuah rumah di Felda Mengkuang, di sini, jam 10.45 pagi semalam.

Bukan itu saja, malah suami mangsa berusia 60 tahun turut dcederakan penjenayah terbabit.

Terdahulu, Timbalan Ketua Polis Daerah Bera Deputy Superintendan Kumaran Nyanasagaran berkata, suspek mencero boh rumah itu pada awal pagi melalui pintu belakang sebelum ke bilik tidur mangsa.

“Mangsa dijerut dengan kabel pengecas telefon. Suspek kemudian melarikan wang RM6,000 serta



Mangsa dijerut dengan kabel pengecas telefon. Suspek kemudiannya melarikan wang RM6,000 serta Honda City milik suami mangsa”

Kumaran

Honda City milik suami mangsa yang bernombor pendaftaran DAD9799.

“Suami mangsa cedera di kepala dan motif kejadian ialah samun,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan usaha mengesan penjenayah masih berjalan.